

POLISI GANGGUAN SEKSUAL

Johor Plantations Group Berhad (JPG) memperakui bahawa gangguan seksual wujud di tempat kerja dan masyarakat secara umumnya. JPG berusaha untuk membanteras sebarang bentuk gangguan seksual di tempat kerja dan sebarang kemungkinan yang berupaya mempengaruhi tingkah laku anggota pekerjaannya di persekitaran sosial.

JPG komited untuk menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat di mana semua anggota pekerjaannya; tanpa mengira status, kedudukan atau jantina, dilayan dengan hormat dan bebas dari sebarang bentuk gangguan, penghinaan dan ancaman berbentuk seksual. Oleh itu, JPG tidak akan berkompromi dengan gangguan seksual.

JPG menerima pakai definisi gangguan seksual seperti yang ditakrifkan oleh Akta Kerja 1955:

“Apa-apa tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, gerak-geri atau secara fizikal, yang ditujukan terhadap seseorang yang adalah menjelik atau menghina atau adalah suatu ancaman kepada kesejahteraannya, berbangkit dari dan dalam menjalankan pekerjaannya ”.

Polisi ini tertakluk bukan sahaja kepada anggota pekerja JPG, malah meliputi pelawat, klien, pelanggan dan kontraktor yang memasuki premis kami.